

3.0: SUMBER EKONOMI (FAKTOR PENGELUARAN)

Faktor-faktor pengeluaran yang dimaksudkan di sini adalah seperti berikut:

i. Tanah dan sumber semula jadi.

Tanah adalah penting, kerana di atas tanah inilah proses pengeluaran dapat dijalankan. Di atas tanah inilah bangunan kilang dapat didirikan. Selain itu tanah juga dapat digunakan untuk pertanian, pembinaan jalan raya dan sebagainya. Sementara sumber semula jadi seperti bijih timah, minyak, besi, emas, kayu kayan dan seribu satu jenis bahan sumber alam ini ada terdapat sama ada di dalam atau di atas tanah. Sumber-sumber semula jadi ini akan digunakan sebagai bahan mentah dalam sesuatu proses pengeluaran.

ii. Buruh

Buruh adalah merupakan tenaga manusia yang digunakan dalam proses pengeluaran. Berapa banyak ia digunakan dalam sesuatu proses pengeluaran bergantung kepada tingkat teknologi yang digunakan dan kecekapan yang dimiliki oleh buruh tersebut. Jika sekiranya teknologi yang digunakan dalam proses pengeluaran ini adalah merupakan intensif buruh, maka jumlah bilangan buruh yang digunakan adalah tinggi atau ramai. Begitu juga sekiranya kecekapan buruh itu tinggi (misalnya buruh ini mempunyai tingkat kemahiran yang tinggi) maka jumlah buruh yang digunakan dalam proses pengeluaran itu adalah rendah. Dalam lain perkataan, kecekapan buruh ini adalah bergantung kepada tingkat pendidikan dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang buruh itu. Semakin tinggi kecekapan yang dimilikinya, maka semakin tinggilah daya pengeluarannya.

Kedua-dua buruh dan tanah adalah disebut sebagai **faktor pengeluaran primary/utama**.

iii. Modal

Modal berbeza dengan buruh dan tanah. Modal bertindak sebagai input atau faktor kepada proses pengeluaran, tetapi pada masa yang sama ia juga adalah merupakan output atau keluaran dari satu proses pengeluaran yang lain. Misalnya kenderaan lori adalah dianggap sebagai barang modal yang digunakan untuk mengeluarkan satu barang, tetapi lori ini sendiri adalah merupakan hasil keluaran satu proses pengeluaran yang lain, iaitu industri pengeluaran lori. Maka, modal di sini boleh didefinisikan sebagai *barang keluaran (hasil keluaran satu proses pengeluaran – industri, yang lain) yang digunakan sebagai input kepada satu pengeluaran yang lain*. Maka modal ini berbeza dengan tanah dan buruh,

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

yang mana tanah dan buruh adalah merupakan input yang berbentuk asal, yang digunakan terus sebagai input kepada satu proses pengeluaran, sedangkan modal adalah hasil satu proses pengeluaran yang lain.

iv. Keusahawanan

Keusahawanan pula adalah dianggap sebagai satu daripada faktor pengeluaran. Ini kerana usahawan adalah merupakan kumpulan orang yang bertanggungjawab dalam menjalankan proses pengeluaran. Walaupun kita mempunyai faktor-faktor tanah, buruh dan modal, tetapi jika usahawan ini tidak mengambil tindakan untuk melaksanakan proses pengeluaran tersebut, maka proses pengeluaran dan seterusnya output atau keluaran satu barang atau perkhidmatan itu tidak akan berlaku. Satu perbezaan yang penting di antara usahawan ini dengan tanah, modal dan buruh ialah *usahawan adalah orang yang sanggup menanggung risiko daripada satu proses pengeluaran. Faktor-faktor pengeluaran buruh, modal dan tanah tidak akan menanggung risiko dalam satu proses pengeluaran, dan ia akan tetap mendapat bayaran daripada penggunaannya. Tetapi usahawan mungkin akan mendapat bayaran atau mungkin juga tidak akan mendapat bayaran hasil daripada proses pengeluaran tersebut. Ini kerana keuntungan yang diperolehi oleh usahawan adalah bergantung kepada perbezaan di antara jumlah pendapatan yang diperolehi dan jumlah kos operasi yang dtanggung oleh firma tersebut.*

